



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MENANGANI CERUN BERISIKO

Kementerian Kerja Raya (KKR) sentiasa memandang serius aspek keselamatan cerun dengan mengambil usaha-usaha untuk memantau petanda awal kejadian tanah runtuh dan kegagalan cerun.

Sehingga Februari 2017, sebanyak 16,453 cerun didaftarkan di sepanjang Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia dengan 946 cerun diklasifikasikan sebagai Berisiko Sangat Tinggi, 1551 Berisiko Tinggi, 2307 sebagai Sederhana, 5122 Rendah dan 6527 cerun sebagai Berisiko Sangat Rendah.

KKR melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) telah melantik syarikat Pintas Utama Sdn. Bhd. – PUSB sebagai konsesi untuk mengambil tindakan penyenggaraan pembaikan cerun dan juga tindakan pencegahan untuk jangka masa panjang.

Pada masa yang sama, PUSB turut dikerah untuk membantu pihak konsesi jalan raya tempatan untuk membersihkan jalan raya yang terjejas akibat sisa runtuhannya berpunca daripada kegagalan cerun bagi memberikan laluan yang selamat kepada para pengguna.

JKR turut mengambil langkah edukatif dengan menyediakan klip video yang diedarkan kepada semua stesen televisyen untuk disiarkan secara berkala dalam usaha menyebarkan maklumat berkaitan cerun seperti tanda-tanda awal tanah runtuh.

Selain itu, JKR juga turut menghasilkan iklan berinformasi dalam Bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin dan Tamil yang dihebahkan melalui akaun rasmi twitter Cawangan Kejuruteraan Cerun, JKR iaitu @CerunJKR.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L : 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Sebagai usaha dalam memastikan pemantauan cerun yang berkesan, penglibatan pihak lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan adalah dimohon untuk memastikan semua saluran longkang terutamanya berhampiran cerun, bebas daripada sebarang sampah yang boleh menghalang aliran.

Pembaikan awal terhadap longkang bermasalah berhampiran cerun dan tembok penahan dapat mengelakkan kejadian lebih teruk seperti kegagalan cerun, tanah runtuh dan sebagainya terutamanya pada musim hujan.

DATO' SRI HAJI FADILLAH HAJI YUSOF
MENTERI KERJA RAYA
8 NOVEMBER 2017

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

**JUMLAH CERUN MENGIKUT NEGERI DI JALAN PERSEKUTUAN UTAMA
TAHUN 2017**

BIL.	NEGERI	JUMLAH CERUN	HAZARD SCORE				
			VERY HIGH	HIGH	MEDIUM	LOW	VERY LOW
1	Johor	1184	39	59	108	371	607
2	Melaka	112	4	9	19	40	40
3	N. Sembilan	743	64	82	94	191	312
4	Kuala Lumpur	37	0	2	4	9	22
5	Selangor	1547	76	235	294	360	582
6	Perak	2904	176	252	345	1062	1069
7	P.Pinang	134	25	27	23	37	22
8	Kedah	1352	104	166	186	365	531
9	Perlis	120	10	36	17	32	25
10	Pahang	4999	276	451	756	1478	2038
11	Terengganu	1318	67	83	216	514	438
12	Kelantan	2003	105	149	245	663	841
JUMLAH KESELURUHAN CERUN		16453	946	1551	2307	5122	6527

(SOURCE : JKR CAWANGAN KEJURUTERAAN CERUN, 2010)

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my